

'Utama masalah rakyat, ekonomi negara'

Kuala Lumpur: Isu peralihan kuasa boleh dibincangkan pada mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH), tetapi tidak seharusnya dijadikan topik utama berbanding masalah rakyat dan ekonomi negara.

Ketua Umum PH yang juga Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, isu berkenaan tidak terlalu rumit, malah keputusan mengenainya juga sudah dibuat sebelum ini.

Justeru, beliau mengajak semua pihak buat masa ini memberi ruang kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk mengemudi pentadbiran negara dengan baik.

"Bagi saya, perkara ini tidak



Anwar hadir pada Wacana Ilmiah Masa Depan Budaya Ilmu Dalam Perdaban Nusantara di I ISTAC, Kuala Lumpur, semalam.

terlalu rumit dan keputusan sudah dibuat. Jika Majlis Presiden PH nak bincang boleh, tetapi kita harus fokus kepada ekonomi dan biar Tun dapat mengemudi pentadbiran negara dengan berkesan.

"Masalahnya, apabila ada usaha untuk menidakkan proses itu (peralihan kuasa), itu di pihak pembangkang dan tidak mengganggu kita. Kita seharusnya fokus kepada ekonomi, biar Tun pikul tugas itu (Perdana Menteri) buat masa ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas menghadiri Wacana Ilmiah Masa Depan Budaya Ilmu Dalam Perdaban Nusantara di Institut Antarabangsa Tamadun Islam dan Alam Melayu (ISTAC), di sini, semalam.

Mengenai persetujuan Dr Mahathir untuk isu itu dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Presiden PH, Anwar berpendapat, apa yang dimaksudkan Perdana Menteri ialah tempoh masa peralihan kuasa.

"Saya tidak rasa ini isu (utama) untuk kita sekarang. Jadi, kita kena sokong Tun sebagai Per-

"Masalahnya, apabila ada usaha untuk menidakkan proses itu (peralihan kuasa), itu di pihak pembangkang dan tidak mengganggu kita. Kita seharusnya fokus kepada ekonomi, biar Tun pikul tugas itu (Perdana Menteri) buat masa ini.

*Anwar Ibrahim,
Ketua Umum PH*

dana Menteri dan biar beliau tabir, (jalankan) tugasnya serta fokus kepada ekonomi dan (apabila tiba) masa yang tepat, kita akan teruskan (peralihan kuasa)," katanya.

Kelmarin, Anwar ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Seminar Pembinaan

Bangsa Malaysia di Bangi, menegaskan tidak ada ketidakpastian dalam proses peralihan kuasa di antara Dr Mahathir dan beliau.

"Tidak ada ketidakpastian, ketidakpastian hanya kepada anda (media)," katanya sambil menambah, majoriti pemimpin PH menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan kepada beliau selepas itu.

Mengenai tindakan beberapa pemimpin dan Ahli Parlimen pembangkang menunjukkan sokongan kepada Dr Mahathir untuk menamatkan tempoh lima tahun sebagai Perdana Menteri, Anwar menegaskan, sokongan mereka tidak berkaitan.

"Ini (sokongan pembangkang) tidak berkaitan. Semua pemimpin parti mengatakan bahawa (isu peralihan kuasa) lebih baik diselesaikan oleh Majlis Presiden Pakatan Harapan," katanya.

Beliau juga menyifatkan pendirian PAS yang turut menyokong Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal sebagai perkara biasa bagi pembangkang.